

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS**

GEMPUR KECEMERLANGAN 2022

1103/1 (PP)

Bahasa Melayu

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

November

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **12** halaman bercetak

BAHASA MELAYU KERTAS 1

GARIS PANDUAN PEMERIKSA

A. CARA PEMERIKSAAN

BAHAGIAN A

- Pemeriksaan secara holistik berpandukan kriteria penskoran yang ditetapkan.
- Karangan mesti ditulis dalam jumlah perkataan yang ditetapkan (150-200 patah perkataan)
- Karangan yang tidak memenuhi kepanjangan yang ditetapkan tidak boleh dimasukkan dalam tahap cemerlang.
- Kesalahan ejaan **tidak** dipotong markah.
- Karangan yang **tiada kata-kata puitis** seperti peribahasa, kata-kata hikmat, cogan kata dan lain-lain - markah maksimum **25 sahaja**.

BAHAGIAN B

- **Isi** – bergantung kepada bilangan perkataan dan markah yang ditetapkan.
- Pemeriksaan secara **impression** berpandukan kriteria yang ditetapkan.
- Kesalahan ejaan **tidak** dipotong markah.
- Jika karangan:
 - Kurang 350 patah kata - periksa seperti biasa.
 - Melebihi 500 patah perkataan – periksa sehingga 500 patah perkataan.
- Markah bersih / muktamad hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kanan halaman pertama karangan.

Contoh : Bahagian A : 25 markah
 : Bahagian B : 55 markah
 Jumlah : 80 markah

B. CARA PENANDAAN KESALAHAN

- () = Kesalahan isi
- _____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan berulang
- = Kesalahan tanda baca

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30 (28-30) (26-27)	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. Huraian jelas dan matang. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan menarik dan berkesan. Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. Wacana lengkap. Pemerenggan sesuai. <p>*ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>
Kepujian	20-25 (23-25) (20-22)	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. Huraian jelas. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan tanda baca betul dan tepat.

		<p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan	<p>15-19 (17-19) (15-16)</p>	<p><u>Tema / Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. • Huraian masih jelas. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	<p>10-14 (12-14) (10-11)</p>	<p><u>Tema / Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. • Huraian kurang jelas. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara.

		<p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
<p>Tidak mencapai tahap penguasaan minimum</p>	<p>01-09 (06-09) (01-05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugasan. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[70 markah]**

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none">• Kegramatisan<ul style="list-style-type: none">- Kata (morfologi)- Ayat (sintaksis)• Tanda baca• Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none">• Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none">• Tema• Isi utama• Pengembangan (huraian/bahasa/hujahan/ccontoh)• Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none">• Wacana• Logik• Pemerenggan• Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none">• Keindahan bahasa• Ungkapan• Peribahasa

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[70 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 -70 (68 - 70) (64 - 67)	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.

		<ul style="list-style-type: none"> Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan menarik dan berkesan. Pemerenggan yang sesuai. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	<p>45 - 54 (50 – 54) (45 – 49)</p>	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugas. Huraian masih jelas. Contoh masih sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. Penggunaan kosa kata umum. Ejaan dan tanda baca yang masih betul. Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan masih menarik. Pemerenggan masih sesuai. Wacana masih lengkap. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	<p>35 - 44 (40 – 44) (35 – 39)</p>	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih / kurang menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugas. Huraian kurang jelas. Contoh kurang sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat kurang gramatis. Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. Penggunaan kosa kata umum dan terhad.

		<ul style="list-style-type: none"> • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan minimum	<p>21 - 34</p> <p>(28 – 34)</p> <p>(21 – 27)</p>	<p><u>Tema / Tugas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menjawab tugas. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang • Contoh yang tidak sesuai. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	<p>01 - 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN**BAHAGIAN A**

- a) **FORMAT:** Surat kiriman rasmi
1. Nama dan alamat pengirim
 2. Nama dan alamat penerima
 3. Tarikh
 4. Tajuk
 5. Tandatangan pengirim

Perhatian:

1. Sekiranya calon tidak mengikut format yang lengkap, maksimum peringkat KEPUJIAN.
2. Sekiranya calon tidak langsung mengikut format / penulisan karangan umum, maksimum peringkat MEMUASKAN.

- b) **TUGASAN:** aduan masalah yang dihadapi oleh orang ramai apabila mengunjungi pasar awam di tempat tinggal **dan** cadangan tindakan yang perlu diambil.

Perhatian:

1. Calon perlu menghuraikan masalah yang dihadapi oleh orang ramai apabila mengunjungi pasar awam di tempat tinggal dengan menyentuh semua bahan **dan** mencadangkan tindakan yang perlu diambil.
2. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - (i) longgokan sampah / dikelilingi sampah
 - (ii) kerosakan tandas
 - (iii) masalah parkir
3. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan masalah dan cadangan tindakan, periksa seperti biasa.
4. Sekiranya calon menyentuh semua bahan tanpa cadangan tindakan, maksimum peringkat KEPUJIAN.
5. Sekiranya calon tidak menyentuh semua bahan / menyentuh sebahagian bahan, tetapi ada cadangan tindakan, maksimum peringkat KEPUJIAN BAWAH.

BAHAGIAN B**SOALAN 1**

- a. TUGASAN: usaha untuk menarik minat pelancong antarabangsa ke negara kita
- b. CADANGAN IDEA:
- i. mutu produk pelancongan yang baik hendaklah diberikan
 - ii. kualiti perkhidmatan yang baik hendaklah diberikan
 - iii. kerjasama daripada kementerian, pemain industri dan rakyat

Perhatian:

1. Keseluruhan jawapan calon menghuraikan idea tanpa menyentuh pelancong antarabangsa, maksimum peringkat BAIK.
2. Sekiranya calon menghuraikan usaha satu pihak sahaja, diterima, periksa seperti biasa.
3. Sekiranya calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea lain, diterima, periksa seperti biasa.
4. Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan, maksimum peringkat KEPUJIAN.

SOALAN 2

- a. TUGASAN: kebaikan mengunjungi karnival kerjaya kepada golongan belia **SELAIN** dapat mengetahui peluang pekerjaan
- b. CADANGAN IDEA:
- i. belia dapat membuat persiapan untuk menghadiri temu duga
 - ii. belia dapat menguji kemahiran komunikasi
 - iii. belia dapat menghadiri bengkel dan seminar secara percuma
 - iv. belia dapat peluang untuk memilih kursus dan IPT

Perhatian:

1. Sekiranya calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja, maksimum peringkat KEPUJIAN.
2. Sekiranya calon menghuraikan idea dalam petikan dan luar petikan, terima, periksa seperti biasa.

SOALAN 3

a. TUGASAN: kebaikan penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian

b. CADANGAN IDEA:

- i. maju dan mampu bersaing dengan negara lain
- ii. meningkatkan hasil tanaman
- iii. mengurangkan penggantungan kepada tenaga pekerja asing
- iv. kos sesebuah perusahaan pertanian dapat diminimumkan

Perhatian:

1. Sekiranya calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea lain, diterima, periksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan, maksimum peringkat KEPUJIAN.

SOALAN 4

a. TUGASAN: usaha sekolah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar agar memelihara dan memulihara alam sekitar

b. CADANGAN IDEA:

- i. program hijau / menanam pokok
- ii. pertandingan poster / mendeklamasi sajak
- iii. penubuhan Kelab Alam Sekitar
- iv. kempen kitar semula

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT